

BAB 5

PENJUNJUNG KONSEP DAULAT DAN DERHAKA

Pendahuluan

Sebagai seorang pengurus pentadbiran politik Melaka, Tun Perak juga merupakan penjunjung konsep daulat dan derhaka dan beliau merupakan seorang pemimpin yang amat mementingkan konsep daulat dan derhaka. Bagi beliau, ketaatan kepada sultan adalah amat penting untuk memastikan empayar Melaka terus berkembang dengan pesat daripada segala aspek.

Malah, konsep ini juga begitu kuat dipegang oleh masyarakat Melayu lama yang hidup dalam sistem pemerintahan Melayu feudal. Mengenai konsep tersebut, secara umumnya bermaksud bahawa raja yang memerintah adalah mempunyai daulat dan rakyat jelata iaitu hamba Melayu pantang dan tidak boleh sama sekali menderhaka kepada raja walaupun raja telah berlaku zalim. Dalam apa keadaan sekali pun, rakyat mesti patuh kepada raja.

Sepanjang perkhidmatannya, dengan Sultan Melaka sebagai Bendahara Paduka Raja, Tun Perak telah memperlihatkan kebaktian yang tinggi, penuh kesetiaan dan kejujuran demi kebaikan pemerintahan kerajaan Melaka seluruhnya.

Dalam banyak hal, beliau lebih bijak bertindak dan membuat keputusan, serta berfikiran luas berbanding dengan Sultan Melaka. Sebagai orang kanan

Sultan, Tun Perak tidak pula menurut perintah Sultan dengan taat yang membuta tuli. Sebaliknya apa yang difikirkan wajar dan patut dibuat, dilakukan dengan penuh bijaksana, mempunyai kesedaran yang tinggi, dan dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai seorang ketua pentadbir kerajaan Melaka.

Pengertian Daulat dan Derhaka

Daulat diambil daripada istilah Arab iaitu *daulatun*.¹ Pengertiannya dikaitkan dengan kuasa, kerajaan dan empayar sesebuah dinasti yang memerintah dan fenomena pemerintahan negara atau negeri. Di dalam konteks sesebuah kerajaan, ia menjadi intipati dan teras kepada hak individu atau kelompok untuk memungkinkan mereka melaksanakan kuasa dan wibawa memerintah sesebuah kerajaan, negeri atau negara. Apabila dihubungkan dengan politik pemerintahan, daulat menjadi unsur pengiktiraf secara lisan, kepercayaan atau tulisan kepada individu atau kelompok bagi melaksanakan atau menegaskan kuasa atau kewibawaan tadi ke atas anggota masyarakat yang mendiami dan menduduki negeri atau negara berkenaan. Dalam budaya politik tempatan, konsep dan semangat daulat telah wujud dalam masyarakat Melayu sebelum zaman Islam lagi. Ia dirujuk kepada unsur dan tradisi peribumi dalam hal cara, kaedah dan mekanisme bagi pelaksanaan kuasa dan wibawa bagi menjamin keberkesanannya.²

¹Elias E. Alias, 1954. *Al-Qamus al-Asri*, Arabi Anjelizi, Cairo, hlm. 227

² Muhamad Yusoff Hashim, 1998. *Daulat, Konsepnya Dalam Budaya Politik Kerajaan Melayu Awal*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm. 1.

Daulat digandingkan pula secara tradisinya, dengan konsep derhaka. Kedua-dua istilah ini merupakan kunci konseptual dalam budaya perpolitikan Melayu Melaka. Dengan falsafahnya yang tersendiri, derhaka secara umum dimaksudkan sebagai menentang raja atau pemegang kuasa yang telah didaulatkan. Ia mengambil bentuk penafian titah atau perintah raja, mencetuskan huru hara dalam negeri, membunuh tanpa kebenaran raja dan memalsukan cap mohor diraja. Hukuman derhaka juga muncul dalam dua bentuk iaitu secara kepercayaan temurun yang dikaitkan dengan kecelakaan dan kutukan daripada Allah Ta'ala. '...dibalikkan Allah bumbung rumahnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas'.³

Kalimat gerun yang menjadi ungkapan masyarakat ialah sama ada 'ditimpa daulat baginda' atau 'ditimpa tulah' atau merana sepanjang hayat. Pada abad ke-15 M, masyarakat Melayu amat takut dengan kalimat 'ditimpa bisa kawi' (tulah) akibat menderhaka. Penderhakaan dianggap paling hina dalam masyarakat kerana ia akan meruntuhkan dan memporak perandakan sistem, mengancam dan meroboh nilai secara mendadak yang akhirnya akan menghuru-harakan kerajaan. Dengan ini nilai dan peradaban bangsa akan runtuh. Maka dalam masyarakat Melayu, seringlah disebut 'pantang anak Melayu menderhaka'.⁴

Justeru itu jelas di sini kita dapat lihat bahawa konsep daulat adalah saling berhubungan atau berkaitan dengan derhaka. Sesiapa yang ingkar titah dan perintah raja akan dianggap menderhaka kepada raja tersebut. Mereka akan

³ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 24.

⁴ Lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur.

ditimpa daulat yang dikaitkan dengan kepercayaan tulah. *Hikayat Malim Dagang* mencatatkan bahawa tulah mengambil bentuk tertimpa bisa kawi.⁵ Ini adalah suatu ketulahan dan akhirnya lahirlah pepatah Melayu yang berbunyi ‘Pantang Anak Melayu Menderhaka kepada Rajanya.’

Keperibadian Tun Perak Lambang Penjunjung Konsep Daulat

Sebagai seorang tokoh yang berwibawa dalam kerajaan Melayu Melaka, Tun Perak mempunyai keistimewaan dalam diri yang jarang dimiliki oleh para pembesar yang lain. Beliau juga merupakan orang yang bertanggungjawab dan gigih dalam mempertahankan konsep ini.

Di awal kemunculan Tun Perak dalam kerajaan Melaka, sifat-sifat beliau sebagai seorang penjunjung konsep daulat dan derhaka telah terserlah. Perkara ini adalah berkaitan dengan pewarisan jawatan Bendahara. Selepas kematian bapanya Bendahara Seri Wak Raja, Tun Perak adalah orang yang sepatutnya menjawat jawatan Bendahara yang keempat, tetapi oleh kerana pergolakan politik di Melaka pada masa itu, maka beliau telah diberikan jawatan sebagai penghulu di daerah Kelang sahaja. Tun Ali yang berketurunan India telah menguasai politik dan pemerintahan Melaka yang kemudiannya telah melantik dirinya sebagai bendahara Melaka yang keempat serta melantik anak saudaranya, Raja Kassim sebagai Sultan Melaka yang bergelar Sultan Muzaffar Syah. Walaupun hanya

⁵ Dari segi bahasa, tulah bererti kemalangan, fizikal maupun rohaniah atau mental yang menimpa seseorang akibat dipercayai kesalahannya kepada orang-orang tua, raja atau tempat-tempat keramat.

memegang jawatan sebagai penghulu di daerah Kelang sahaja, Tun Perak telah menerima jawatan tersebut dengan hati yang terbuka. Beliau tidak pernah sekali pun menuntut jawatan Bendahara walaupun jawatan tersebut adalah sememangnya diwarisi oleh beliau. Peristiwa ini telah menggambarkan kepada kita bahawa Tun Perak tidak akan membantah arahan sultan walaupun melibatkan pewarisan jawatan Bendahara yang sejak zaman-berzaman menjadi warisan keturunannya.

Setelah menjawat jawatan Bendahara dengan gelaran Paduka Raja, ketaatan beliau terhadap Sultan Melaka semakin terserlah. Keadaan ini dapat dilihat apabila beliau menerima arahan daripada sultan untuk menghadapi serangan daripada pihak musuh. Tun Perak sanggup bergadai nyawa demi keselamatan kerajaan Melaka. Beliau telah menjadi pemimpin angkatan tentera Melaka untuk menangkis serangan Siam yang memang musuh ketat Melaka. Kemenangan peperangan dengan pihak Siam telah menjadikan Melaka semakin berani untuk menyerang negeri yang lain bagi meluaskan jajahan takluk. Tun Perak telah menjadi pemimpin angkatan tentera Melaka untuk menawan Pahang dan Pasai. Perjuangan di medan peperangan ini menggambarkan kepada kita bahawa Tun Perak amat taat kepada setiap perintah sultan walaupun terpaksa menyabung nyawa.

Sebagai seorang Bendahara, Tun Perak adalah seorang penjunjung daulat. Malah golongan rakyat juga menjunjung konsep ‘Pantang Anak Melayu Menderhaka’. Konsep ini sebenarnya telah mewujudkan satu suasana harmoni dalam masyarakat. Hal itu membolehkan keadaan politik menjadi lebih stabil

kerana mereka tidak akan menderhaka kepada Raja walaupun pihak Raja berlaku zalim. Ini jelas berlaku kepada Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Walaupun anaknya dibunuh oleh putera raja tetapi beliau tidak mahu menderhaka kepada raja. *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa:

Sekali persetua Raja Muhammad dan Raja Ahmad pergi bermain kuda. Tatkala itu Tun Besar, anak Bendahara Paduka Raja lagi bermain sepak raga di lebuh dengan orang-orang muda. Maka Raja Ahmad dan Raja Muhammad pun lalu, Tun Besar pun sedang menyepak raga, kena destar Raja Muhammad, jatuh destar kita!. Maka berlari-lari orang yang membawa puan, maka ditikamnya Tun Besar, kena hulu hatinya, maka Tun Besar pun matilah. Maka orang pun gemparlah. Maka Bendahara pun keluar bertanya, Apa sebabnya maka orang gempar itu? Maka sahut orang, Anakanda sudah mati, dibunuh oleh Raja Muhammad ! Maka segala perihal ehwalnya itu semuanya dikatakan orang kepada Bendahara, maka kata Bendahara, Apatah maka kamu sekalian ini berlengkap? Maka kata segala anak buah Bendahara, Sahaya semua hendak balaskan kematian saudara sahaya ! Maka kata Bendahara, Karena istiadat hamba Melayu tiada pernah derhaka, Maka kata Bendahara, Hei! Hendak derhakalah ke Bukit? Hendak derhaka ke Bukit? Nyiah kamu semua! Nyiah! Karena adat istiadat hamba Melayu tiada pernah derhaka. Tetapi akan kita berbuat tuan anak raja seorang ini, janganlah. Setelah itu, maka segala anak buah Bendahara itu pun diamlah. Maka Tun Besar pun ditanamkan

oranglah. Sultan Mansur Syah murka dan Raja Muhammad ditabalkan di Pahang.⁶

Petikan di atas adalah mengenai Raja Muhammad yang telah membunuh Tun Besar yang merupakan anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Tun Besar telah dibunuh kerana bola sepak raganya terkena destar Raja Muhammad. Semua anak buah Bendahara Paduka Raja ingin membala dendam atas kematian Tun Besar tetapi telah dihalang oleh Tun Perak. Tun Perak tidak membenarkan penderhakaan kepada sultan kerana rakyat Melayu tidak boleh menderhaka kepada raja. Tun Perak hanya mengatakan kepada rakyat bahawa mereka tidak akan melantik Raja Muhammad sebagai sultan. Terbukti bahawa Tun Perak penjunjung daulat kerana walaupun anak sendiri telah dibunuh, tetapi beliau tetap tidak mahu menderhaka kepada sultan dan kerabatnya. Ternyata peristiwa ini melambangkan ciri-ciri ketaatan fahaman feudal yang amat tinggi.

Bukan itu sahaja malah Tun Perak tidak pernah merasa marah terhadap sultan walaupun beliau dimarahi kerana perkara yang boleh dianggap remeh.

Sejarah Melayu ada menyatakan bahawa:

Maka baginda lalu ke penanggahan, maka dilihat oleh Sultan Mansur Syah sebiji rasuk penanggahan itu hitam lagi kecil, maka titah Sultan Mansur Syah, Hendak bangat gerang, Bendahara? Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun kembalilah dari

⁶ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 178.


istana itu, tatkala Tun Indera Segara ada mengiringkan Sultan Mansur Syah. Maka Tun Indera Segara segera pergi memberitahu Bendahara mengatakan, Yang Dipertuan tadi murka oleh rasuk sebatang itu kecil. Setelah didengar oleh Bendahara kata Tun Indera Segara itu, maka Bendahara segera menyuruh meramu rasuk kulim sehasta lebarnya, sejengkal tebalnya. Maka Bendahara Paduka Raja sendiri pergi ke penanggahan memahat, mengenakan rasuk itu.⁷

Petikan di atas itu jelas menunjukkan kepada kita, bahawa Sultan Mansur Syah telah pergi melawat istana yang baru dibina, tetapi baginda telah memarahi Bendahara Paduka Raja Tun Perak kerana terdapat sebatang rasuk yang kecil. Tun Indera Segara telah memberitahu kepada Tun Perak mengenai perkara tersebut. Tun Perak dengan rela hati telah menggantikan rasuk itu sendiri di istana yang baru. Di sini jelas dapat kita lihat sepatutnya Sultan Mansur Syah tidak boleh memarahi Tun Perak kerana istana itu didirikan oleh rakyat dan kemungkinan besar Tun Perak tidak menyedari mengenai terdapatnya sebatang rasuk yang kecil. Walau bagaimanapun Tun Perak telah menjadikan kes tersebut sebagai tanggungjawabnya dan beliau sendiri sanggup melakukan kerja-kerja memahat dan memasang rasuk tersebut. Peristiwa ini walaupun dilihat oleh kita adalah suatu perkara yang remeh tetapi Tun Perak yang sememangnya seorang yang amat taat kepada sultan akan melakukan sendiri sesuatu perkara untuk

⁷ *Ibid.*, hlm. 164-165.

memuaskan hati sultan. Ternyata peristiwa ini menunjukkan bahawa Tun Perak adalah seorang Bendahara yang amat bertanggungjawab.

Gambar Rajah 5.1: Menunjukkan Istana Sultan Mansur Syah L.K. 1460.T.M.



Sumber: Dipetik daripada W.G., Shellabear, 1977. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Tun Perak juga adalah merupakan seorang yang amat mulia sifatnya. *Sejarah Melayu* ada menyatakan walaupun beliau telah dikhianati oleh Laksamana tetapi Tun Perak tetap berbaik dengan Laksamana. Keadaan ini menunjukkan bahawa Tun Perak tidak mahu menimbulkan permusuhan dengan pembesar yang lain kerana bimbang akan timbul kekacauan dalam politik Melaka.

Sejarah Melayu ada menyebut bahawa:

Maka Sultan Mansur Syah pun menyuruh memanggil Laksamana. Setelah datang, maka Sultan Mansur Syah pun bertanya kepada Laksamana segala perihal Pasai, maka Laksamana berdatang sembah, berjhatat Bendahara. Maka

makin sangatlah murka Sultan Mansur Syah akan Bendahara. Anak buah Bendahara Paduka Raja pun datang kepada Bendahara, maka segala kata Laksamana berjehatkan Bendahara kepada Raja itu, semuanya dipersembahkan kepada Bendahara. Maka Bendahara pun berdiam dirinya. Setelah esok Sultan Mansur Syah menyuruh Bendahara mengadap dan Sultan Mansur Syah bertanya mengenai kelakuan Laksamana di Pasai. Maka Bendahara berdatang sembah, memuji Laksamana berbagai-bagai pujian. Sultan Mansur Syah hairan dan memberi Bendahara persalinan. Anak buah Laksamana menceritakan kepada Laksamana. Maka Laksamana pun datang, lalu meniarap menyembah pada kaki Bendahara Paduka raja, maka kata Laksamana pada bendahara, Sungguhlah tuanku orang Besar. Diceterakan orang dahulu kala, tujuh kali Laksamana yang menyembah, meniarap pada kaki Bendahara Paduka Raja.⁸

Petikan di atas adalah menggambarkan kemuliaan hati Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Tun Perak amat sabar dan mempunyai sifat yang mulia. Walaupun Laksamana telah memburukkan namanya di hadapan Sultan Mansur Syah semasa beliau di Pasai tetapi beliau tidak membala perbuatan Laksamana itu sebaliknya telah memuji-muji Laksamana di hadapan Sultan Mansur Syah ketika ditanya mengenai kelakuan Laksamana di Pasai. Keadaan ini menyebabkan Laksamana insaf terhadap pembohongan yang telah dilakukan ke atas Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Selepas itu, Laksamana telah menyembah Tun Perak

⁸ *Ibid.*, hlm. 191-192.

sebanyak tujuh kali dan telah mengakui bahawa Tun Perak adalah orang besar. Sebagai seorang bendahara yang berwibawa Tun Perak adalah orang yang amat mementingkan keamanan dan keharmonian dalam negeri. Sekiranya beliau bermusuh sesama pembesar, maka sudah tentulah keadaan politik Melaka akan kucar kacir dan keadaan ini akan membawa kepada kemunduran kerajaan Melaka. Ternyata peristiwa ini memperlihatkan kepada kita bahawa Tun Perak lebih bijak bertindak dan membuat keputusan, serta berfikiran luas berbanding dengan pembesar yang lain.

Tun Perak juga adalah seorang yang amat baik sifatnya. Beliau akan menggunakan hadiah yang telah dianugerahkan oleh Sultan dengan begitu berhati-hati supaya tidak menyinggung perasaan sultan. *Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa:

Sultan Alauddin gering. Bendahara Paduka Raja dan Penghulu Bendahari serta Laksamana menjaganya. Sultan Alauddin sembuhlah dan diberi persalin kepada Bendahara Paduka Raja, dan Laksamana serta sebuah usungan; barang ke mana ia pergi berjalan, disuruh baginda berusung, anak buahnya mengiringkan dia. Adapun akan Bendahara Paduka Raja, usungannya itu dibungkusnya dengan kekuningan, pada tempatnya duduk diadap orang. Maka sembah, segala anak-anak buah Bendahara pada Bendahara, Bagaimana datuk ini bagi berusung, anak buahnya mengiringkan dia. Adapun akan Bendahara Paduka Raja, usungannya itu dibungkusnya dengan

kekuningan, pada tempatnya duduk diadap orang. Maka sembah, segala anak-anak buah Bendahara pada Bendahara, Bagaimana Datuk ini bagai Pak Si Bendul? Karena Laksamana dianugerahi baginda usungan dan berusung ia ke sana ke mari, anak buahnya mengiringkan dia di bawah usungannya; alangkah baik dipandang orang? Datuk, jika ia berusungan, seorang pun kami tiada di bawahnya. Maka kata Bendahara Paduka Raja, Akulah Pak Si Bendul? Akan Laksamana itu berusung, anak buahnya di bawah usungannya; jika dipandang oleh segala dagang, maka ditanyai orang, Siapa berusung itu?, maka sahutnya, Orang Besar juga. Maka kata segala dagang, Adakah lagi orang besar daripadanya. Maka aku pun kelak berusunglah, itupun ditanya orang juga, Orang Besarkah Bendahara ini? Maka sahut orang kelak, Orang Besar juga. Maka katanya, Adakah lagi orang Besar daripadanya?, maka sahut orang tiada. Nescaya pada pemandangan orang, segala yang tiada tahu, akulah raja, karena raja pun lagi budak. Seperkara lagi jika berusung pun, engkau semua juga di bawah usungan raja; jadi salah aku dengan raja. Manatah kelebihan raja daripada aku? Akan Laksamana, segala anak buahnya tiada bercampur pada majlis raja. Akan engkau semuanya sedia akan isi balai rong raja. Maka segala anak buah Bendahara pun diamlah mendengar kata Bendahara itu.⁹

⁹ *Ibid.*, hlm. 197.

Petikan di atas adalah menggambarkan sifat-sifat mulia Tun Perak yang tidak mahu menunjukkan derhakanya dengan Sultan. Beliau tidak mahu melebihi kedudukan Sultan. Walau pun beliau telah mendapat hadiah usungan daripada Sultan kerana jasanya menjaga Sultan semasa sakit tetapi beliau begitu berhati-hati menggunakan usungan tersebut. Usungan yang telah diberikan kepada beliau telah dibungkus dengan kain kuning dan apabila berusung pun, anak buahnya tidak akan berada di bawah usungan tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan anak buahnya tertanya-tanya mengapakah beliau bertindak demikian kerana Laksamana pula berusung ke sana ke mari dengan anak buahnya berada di bawah usungan tersebut. Ini adalah kerana Bendahara Paduka Raja Tun Perak bimbang akan terjadi kekeliruan kepada orang yang berdagang (orang asing) siapakah orang yang paling besar di negeri tersebut? Sekiranya beliau menggunakan usungan tersebut, beliau akan memastikan anak buahnya tidak ada di bawah usungan itu. Ini adalah kerana, anak buah Laksamana tidak menghadiri Majlis Raja-raja manakala anak buah beliau pula semuanya menghadiri majlis keraian Raja. Justeru itu beliau tidak akan menggunakan usungan tersebut sebarang walaupun telah dihadiahkan kepadanya kerana ketaatannya kepada Sultan yang ketika itu masih budak dan merasa bimbang kepada orang yang berdagang yang tidak dapat membezakan antara sultan dan pembesar. Terbukti di sini bahawa walaupun Sultan Melaka masih lagi budak dan Tun Perak adalah pemangkunya tetapi beliau tetap menghormati dan memberikan taat setia yang penuh kepada sultan. Sifat Tun Perak ini adalah melambangkan bahawa beliau adalah seorang yang bijaksana dan cerdik dalam segala tindakannya.

Bendahara Paduka Raja Tun Perak adalah seorang pembesar istana yang disayangi oleh Sultan Melaka. Beliau sentiasa dianugerahi hadiah oleh Sultan Melaka. Namun demikian, oleh kerana Tun Perak adalah seorang yang bersifat pemurah dan tidak lokek, hadiah yang beliau perolehi akan diberikan kepada orang lain kerana mengetahui kepentingan hadiah tersebut kepada orang yang memerlukannya. *Sejarah Melayu* juga turut menggambarkan bahawa:

Adapun adat Bendahara Paduka Raja, apabila ia beroleh perahu yang baik atau senjata yang baik, maka diberitakan orang kepada Laksamana, maka kata Laksamana Mari sahaya lihat. Maka tiada ditunjukkan oleh Bendahara; maka digagahinya juga oleh Laksamana; hendak dilihatnya juga oleh Laksamana; hendak dilihatnya juga. Setelah sangat Laksamana hendak melihat dia, maka ditunjukkan oleh Bendahara Paduka Raja. Setelah dilihat oleh Laksamana lalu diambilnya. Demikianlah pada sedia kala. Maka kata segala anak buah Bendahara, Bagaimana Datuk ini bagai pak si Bendul ? Namun ada senjata yang baik atau perahu yang baik-baik habis diberikan kepada Laksamana, menjadi segala anak buah sendiri suatu pun tiada diperolehnya. Maka kata Bendahara Paduka Raja, Akulah Pak Si Bendul? Engkaukah Pak Si Bendul? Jikalau ada gajah yang baik, atau kuda yang baik, semua pinta kepada aku. Pada pekerjaan yang demikian, di mana engkau semua tahu? Karena akan Laksamana itu hulubalang besar, sebab itulah

maka senjata yang baik itu kuberikan kepadanya apabila musuh raja datang, supaya ialah kita adu berperang; nescaya dikata orang bukanlah ia hulubalang raja, penaka hulubalang kitalah. Maka segala anak buah Bendahara pun diamlah mendengar kata Bendahara itu.¹⁰

Petikan di atas menggambarkan sifat kemurahan hati Tun Perak. Segala hadiah seperti perahu dan senjata-senjata yang baik, semuanya akan diberikan kepada Laksamana. Keadaan ini menyebabkan anak-anak buahnya memanggil beliau Pak Si Bendul dan beliau telah menerangkan sebab-sebab mengapa beliau memberikan segala hadiah seperti perahu dan senjata kepada Laksamana kerana Laksamana adalah merupakan seorang hulubalang negeri yang akan berperang dengan musuh negara. Sekiranya Laksamana menang dalam peperangan, orang ramai akan menganggap bahawa orang Melayu gagah dalam peperangan.

Prinsip ketataan Tun Perak sebagai seorang penjunjung konsep daulat dan derhaka telah dituliskan oleh perawi *Sejarah Melayu*. Iaitu, Ketika perawi *Sejarah Melayu* merakamkan hubungan antara raja-raja Melayu Melaka dengan Allah dan Rasulullah bagi memancarkan doktrin kepimpinan dalam Islam tadi, dia memetik kata-kata wasiat Bendahara Tun Perak:

... dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktian kepada raja kamu. Oleh itu kata hukama, adalah raja yang adil itu dengan Nabi Sallahu-'alaihi wassalam umpama dua buah permata pada

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 198.

sebentuk cincin; lagipun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zulillahi-fil ‘alam; apabila berbuat kebaktian kepada Allah Subhanahu-wa-Taala. Yakni berbuat kebaikkan kamu akan Allah dan Rasulnya dan akan raja... hendaklah jangan kamu lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu perolehi.¹¹

Petikan doktrin di atas merupakan pengambilan, terjemahan dan tafsiran bebas daripada beberapa petikan ayat Al-Quran, tetapi pada bahagian-bahagian tertentu, konsep kepimpinan tadi telah disesuaikan dengan keadaan.

Terdapat tiga isu utama dalam petikan tersebut iaitu:

- a) tentang raja yang adil
- b) hubungan antara raja yang memerintah dengan Allah.
Raja disebut sebagai ‘ganti Allah di dalam dunia’
- c) manusia wajib berbuat kebajikan kepada Allah, Rasul dan Raja.

Inilah tali-tali yang mengikat kesetiaan Tun Perak yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan Melaka. Beliau tidak menderhaka kepada Sultan kerana kedudukan Sultan yang tinggi dikonsepsikan, dilihat sebagai wakil Allah di dunia ini.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 190.

Kesimpulannya perbincangan di atas telah jelas membuktikan kepada kita bahawa Tun Perak juga adalah merupakan penjunjung konsep daulat dan derhaka yang begitu taat. Walaupun anaknya sendiri dibunuh oleh Raja Muhammad, beliau tidak sedikit pun membalas dendam malah telah melarang anak buahnya untuk membalas dendam dengan mengingatkan mereka mengenai konsep daulat dan derhaka. Sikap yang ada dalam diri Tun Perak ini tidak wujud dalam diri pembesar-pembesar lain. Inilah yang dikatakan seorang pemimpin yang unggul dalam era kegemilangan empayar Melayu Melaka. Baginya, pembalasan dendam akan mengakibatkan wujudnya keadaan huru-hara yang mungkin akan menggugat kestabilan dan kegemilangan negeri Melaka. Ternyata kehadiran Tun Perak dengan sifat-sifat yang sederhana tetapi mempunyai ciri-ciri ket�atan mengikut fahaman feudal yang tinggi adalah amat sesuai dan seimbang dengan jawatannya sebagai Bendahara dalam kerajaan Melaka.